

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA MAJLIS PELANCARAN PERASMIAN SEMINAR PERCAMBAHAN**  
**PEMIKIRAN ISLAM HADARI /TAMADUN PERINGKAT KEBANGSAAN 2002**  
**DI DEWAN SERBAGUNA MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN JALAN DUTA,**  
**KUALA LUMPUR**  
**31 OKTOBER 2002**

-----

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan Izin limpah kurniaNya dapat kita hadir bersama-sama di Dewan Masjid yang amat indah ini bagi menghadiri suatu majlis ilmu yang sangat bermanfaat kepada kita semua bertemakan Seminar Percambahan Pemikiran Islam Hadari.

2. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Abdul Hamid Othman Penasihat Agama Kepada YAB Perdana Menteri kerana memberikan peluang kepada saya untuk melancarkan dan seterusnya merasmikan Seminar Percambahan Pemikiran Islam Hadari bagi Peringkat Kebangsaan. Selepas ini tentulah pula ada pelancaran di peringkat negeri.

3. Kesempatan ini juga di ambil untuk mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga Tenaga Nasional Berhad kerana sudi menjadi tuan rumah menaja program yang sangat bermakna ini. Tanpa Tenaga Nasional Berhad (TNB) kehidupan harian kita tentunya tidak sempurna, program ini pun tak sempurna, program ini pun tak sempurna, yang duduk di dalam dewan ini tidak selesa dan akan gelisah kerana panas, pembesar suara tidak berfungsi, orang belakang tak boleh dengar makan program ini perlu tangguh, inilah yang dimaksudkan Hadari/Tamadun. Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang membekalkan letrik untuk keselesaan hidup kita di muka bumi ini dikatakan hadari/tamadun.

4. Kepada para penceramah seminar yang di pilih untuk membentangkan kertaskerja di seminar ini saya ucapkan ribuan terima kasih kerana sudi menyumbangkan sedikit ilmu untuk di kongsi bersama.

5. Seminar Percambahan pemikiran Islam Hadari merupakan hasil cetusan idea YAB Perdana Menteri bilamana YAB Perdana Menteri berpendapat ramai umat Islam negara ini terkeliru dengan menolak pembangunan itu bukan suruhan agama. Yang mereka pelajari dari ceramah-ceramah yang disampaikan secara tidak berhemah. Pandangan sebegini jika dibiarkan berterusan akan memberikan kesan negatif kepada Umat Islam di negara ini kerana ia akan membantut pembangunan umat Islam itu sendiri.

6. Hasilnya umat Islam akan ketinggalan jauh kebelakang berbanding dengan penganut agama-agama lain di negara ini. Kita berharap Prespektif Islam yang syumul berdasarkan Al- Quran dan Sunnah Nabi Muhammad S.A.W dapat diberikan dan difahami. Oleh itu seminar ini diadakan untuk memberikan sedikit ilmu agar umat Islam di negara ini fahamkan tidak terkeliru lagi.

7. Program Seminar ini dikelolakan oleh Kumpulan Pemikir yang diketuai oleh Penasihat Agama YAB Perdana Menteri bersama Jabatan Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan Malaysia, Pengarah Eksekutif MTEN, YADIM dan Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan.

8. Pejabat Penasihat Agama YAB Perdana Menteri di beri tanggungjawab untuk mengurus dan mengaturkan serta menyelia perjalanan seminar dan penceramah ditentukan oleh pihak Kerajaan melalui Pejabat Penasihat Agama YAB Perdana Menteri.

9. Jabatan Hal Ehwal Khas diberi tanggungjawab mengeluarkan sedikit perbelanjaan menyediakan kelengkapan seminar. Penyediaan kelengkapan ini hendaklah dibuat dengan sempurna dan teratur bagi melicinkan perjalanan seminar. Penyediaan kelengkapan sebegini hendaklah disegerakan, janganlah seminar dan berjalan dan dah selesai tetapi kelengkapan seminar seperti kertaskerja penceramah masih belum diperolehi oleh peserta. Jadi Jabatan Hal Ehwal Khas di bawah Kementerian Penerangan Malaysia tolong tengok- tengoklah sama. Sebab Program ini direstui oleh YAB Perdana Menteri.

10. Saya percaya seminar percambahan pemikiran Islam hadari ini memang kena pada tempat dan masanya dan saya mengalu- alukan langkah yang diambil oleh kerajaan. Kepada peserta- peserta seminar saya harap tuan-tuan dan puan-puan akan menghayati pandangan serta maklumat yang akan disampaikan oleh pembentang-pembentang kertaskerja pada hari ini.

11. Tuan-tuan dan puan-puan perlulah aktif melibatkan diri di dalam sesi dialong yang akan diadakan selepas pembentangan kertaskerja oleh penceramah. Inilah masanya untuk tuan-tuan dan puan-puan mendapat penjelasan sebenar mengenai isu-isu yang akan ditimbulkan dan membersihkan sebarang keraguan yang ada di dalam diri tuan-tuan dan puan- puan. Suka saya sarankan kepada tuan-tuan dan puan agar menggunakan peluang yang diberikan ini dengan sebaik mungkin.

12. Saya juga ingin menyeru kepada tuan-tuan dan puan-puan agar dapat berkongsi pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi di seminar ini dengan rakan sekerja tuan-tuan dan puan-puan yang tidak berkesempatan menghadiri seminar ini. Adalah menjadi tanggungjawab tuan-tuan dan puan-puan untuk menyampaikan maklumat yang diperolehi kepada seluruh masyarakat Islam di negara ini agar kekeliruan yang timbul dapat diperbetulkan.

13. Saya difahamkan bahawa Seminar Percambahan Pemikiran Islam Hadari ini akan dilaksanakan berterusan, secara bersiri setiap bulan. Sektor Awam termasuk Badan-Badan Berkanun serta Sektor Swasta yang melibatkan Syarikat- Syarikat koporat di negara ini hendaklah sama-sama berganding bahu merialisasikan program ini.

14. Saya percaya sekiranya program ini dapat dijalankan mengikut jadual lebih sejuta tenaga kerja yang beragama Islam di Negara ini akan dapat mengikuti seminar seperti ini setiap bulan. Untuk permulaan pegawai Kerajaan dalam Kumpulan Sokongan akan di pilih terlebih dahulu bagi mengikuti ceramah bulanan yang akan diadakan di organisasi masing-masing.

15. Saya telah dimaklumkan bermula daripada pertengahan September hingga ke hari ini sebanyak 47 siri Seminar telah dijalankan yang melibatkan sektor kerajaan merangkumi LHDN, TNB, KWSP, PERKESO, TELEKOM, KTM, KASTAM dan sektor swasta seperti EON BANK, BIMB, Indah Water Konsortium. Saya percaya bilangan jabatan dan syarikat-syarikat koporat akan bertambah lagi selepas ini.

16. Saya ingin mencadangkan kepada semua Ketua-ketua Jabatan di Sektor Awam mahupun swasta yang akan menghadiri Seminar Percambahan Pemikiran Islam Hadari agar dapat menggabungkan dengan beberapa jabatan yang lain dalam satu seminar supaya peserta seminar akan dapat bertukar-tukar pendapat dan pandangan antara satu jabatan dengan jabatan yang lain tidak hanya tertakluk kepada jabatan masing-masing sahaja.

17. Dengan cara ini saya merasa yakin satu perkembangan minda antara pekerja dapat dicambahkan di dalam program seminar ini.

18. Dengan lafas Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya melancarkan dan merasmikan Seminar Percambahan Pemikiran Islam Hadari Peringkat Kebangsaan 2002.

Terima Kasih.